

Tindakan undang-undang jika cuba hidupkan kembali Al-Arqam

2 Februari, 2012, Khamis

Sumber : Utusan Malaysia

PUTRAJAYA 2 Feb. – Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang cuba menghidupkan kembali gerakan Al-Arqam yang diharamkan pada 1994 atau menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan Islam, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata, semua majlis agama Islam negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan terus memantau gerakan berkenaan termasuk aktiviti Kelab Taat Suami (KTS), yang baru-baru ini diserbu oleh pihak berkuasa semasa sedang menganjurkan satu program.

Program KTS itu dikatakan bermatlamat menangani gejala seks dalam masyarakat dengan mengaitkan nama Rasulullah secara langsung dengan isu seks.

Jamil Khir berkata, cubaan untuk menggerakkan kembali ajaran yang bertentangan Islam akan sentiasa didedahkan kepada masyarakat supaya mereka lebih berwaspada, sekali gus memberi isyarat kepada pihak terlibat bahawa gerakan mereka sedang diperhatikan.

"Apabila dia tidak buat lagi kita tidak boleh tuduh. Cuma kita nampak trend penubuhan KTS itu seolah-olah dia nak kembali kepada trend wujudkan Al-Arqam," katanya kepada pemberita di sini hari ini. – BERNAMA